



**UCAPAN BELANJAWAN TAHUN 2026  
NEGERI PULAU PINANG**

**OLEH**

**YAB TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**KETIKA MEMBENTANGKAN  
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN  
DAN USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2026  
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PADA 14 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)**

Dato' Seri Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk 'Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2026 dan bagi memperuntukkan jumlah wang tersebut untuk tahun 2026' dibaca bagi kali kedua sekarang.

## **MUKADIMAH**

Dato' Seri Yang Dipertua,

1. Pulau Pinang pernah dikenali sebagai "Mutiara Timur", atau dengan izin, "*The Pearl of the Orient*" atas keunikan dan kepelbagaiannya. Dari tapak warisan dunia UNESCO di George Town; kawasan perindustrian berteknologi tinggi di Bayan Lepas dan Batu Kawan; kawasan pertanian di Seberang Perai; hingga ke destinasi pelancongan di Batu Ferringhi dan Teluk Bahang, membuktikan bahawa "Pulau Pinang Memiliki Segalanya" atau dengan izin, "*Penang Has It All*".

2. Oleh itu, bagi memastikan Kerajaan Negeri terus memacu Pulau Pinang pada landasan yang tepat dalam memenuhi tuntutan persekitaran pascanormal menjelang tahun 2026, maka saya berdiri di Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2026.

3. Seperti yang diucapkan Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia kelima semasa pembentangan Belanjawan 2006:

*"Berbelanja bukan sekadar soal angka, tetapi soal amanah; setiap sen mesti memberi pulangan kepada rakyat dan masa depan negara."*

Berdasarkan ungkapan ini, Belanjawan Negeri Pulau Pinang bukan hanya mempamerkan angka, tetapi menterjemahkan keputusan fiskal berpaksikan nilai murni, kebertanggungjawaban dan keadilan sosial yang menjadi teras Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

4. Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2026 dirangka berdasarkan teras Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara” yang juga selari dengan aspirasi “Malaysia Madani”, seperti mana diterjemahkan dalam Ucapan Belanjawan Tahun 2026 oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Utama Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, pada 10 Oktober 2025.

## **SENARIO EKONOMI**

Dato’ Seri Yang Dipertua,

5. Tahun 2025 menyaksikan persaingan perdagangan antara negara kuasa besar dunia. Situasi ini menghimpit ekosistem fiskal dan ekonomi negara-negara membangun, termasuk Malaysia. Tekanan inflasi dan kenaikan tarif mencetuskan kesan domino krisis ekonomi yang dapat dilihat melalui kenaikan harga barang dan bahan mentah serta ketidaktentuan pasaran kewangan global.

6. Sebagai retrospektif, ekonomi Pulau Pinang berkembang sebanyak 4.8 peratus tahun 2024 berbanding 3.3 peratus yang dicatatkan pada tahun 2023, dengan jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencecah RM121.5 bilion, dipacu sektor perkhidmatan dan pembuatan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Pulau Pinang telah menyumbang sebanyak 7 peratus daripada jumlah KDNK negara pada tahun 2024.

7. Sektor Perkhidmatan dan Pembuatan kekal sebagai komponen terbesar KDNK negeri melalui sumbangan kumulatif 94.3 peratus. Ini diikuti sektor Pembinaan sebanyak 3.2 peratus; sektor Pertanian sebanyak 1.8 peratus; dan sektor Perlombongan & Pengkuarian sebanyak 0.1 peratus.

8. Bagi tahun 2025 pula, Kerajaan Negeri yakin bahawa KDNK negeri mampu mengembang sehingga 5.4 peratus, didorong perkembangan sektor elektrik dan elektronik, serta peningkatan permintaan semikonduktor global.

## **KEDUDUKAN FISKAL NEGERI**

Dato' Seri Yang Dipertua,

9. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2024 telah menerima “Sijil Ketua Audit Negara Tanpa Teguran” pada 7 Ogos 2025. Pengiktirafan ini sebenarnya mencerminkan prinsip “Cekap”, “Akauntabiliti” dan “Telus” yang diterapkan sebagai budaya kerja pentadbiran Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua penjawat awam negeri yang telah memberi kerjasama kepada Jabatan Kewangan Negeri (JKN) dalam memastikan Pulau Pinang terus

kekal sebagai antara negeri yang terbaik dalam perspektif pengauditan Penyata Kewangan.

10. Secara purata, Kerajaan Negeri berbelanja sekitar RM831.37 juta setahun dari tahun 2020 hingga 2024, bersandarkan kesedaran bahawa perbelanjaan tersebut telah mengurangkan rizab kewangan negeri atau dikenali sebagai Akaun Hasil Disatukan.

11. Atas realiti ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha meminimumkan defisit perbelanjaan dengan menyedari bahawa purata hasil negeri adalah sekitar RM631.6 juta setahun, manakala purata penyusutan baki Akaun Hasil Disatukan adalah sebanyak RM199.77 juta setahun bagi tempoh lima (5) tahun terkini, iaitu dari tahun 2020 hingga 2024.

12. Oleh itu, bagi memastikan kedudukan Akaun Hasil Disatukan terus stabil, Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2026 dirangka dengan lebih sistematik dengan memfokuskan penjanaan hasil negeri yang memberi impak langsung kepada rakyat, tanpa menjejaskan keperluan perbelanjaan, terutamanya yang melibatkan kepentingan rakyat.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2026**

13. Maka pada hari ini, Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2026 dibentangkan untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan Perbelanjaan Bekalan Tahun 2026 berjumlah **Satu Ribu Lima Puluh Juta, Lapan Ratus Tujuh Puluh Lima Ribu, Enam Ratus Lapan Puluh Empat Ringgit (RM1,050,875,684)** atau secara ringkasnya RM1.051 bilion.

14. Manakala, sejumlah **Tiga Puluh Tujuh Juta, Tujuh Puluh Dua Ribu, Sembilan Ratus Lima Puluh Ringgit (RM37,072,950)** diperuntukkan untuk menampung **Perbelanjaan Tanggungan Tahun 2026** berdasarkan Undang-undang di bawah Kumpulan Wang Disatukan; menjadikan jumlah keseluruhan anggaran perbelanjaan negeri tahun 2026 adalah sebanyak **Satu Ribu, Lapan Puluh Tujuh Juta, Sembilan Ratus Empat Puluh Lapan Ribu, Enam Ratus Tiga Puluh Empat Ringgit (RM1,087,948,634)** atau secara ringkasnya RM1.088 bilion.

15. Komponen Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri daripada **Emolumen** sebanyak **RM226,733,229** atau 20.84 peratus; **Perkhidmatan dan Bekalan** sebanyak **RM200,509,235** atau 18.43 peratus; **Aset**, sebanyak **RM3,593,203** atau 0.33 peratus; **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** sebanyak **RM645,731,927** atau 59.35 peratus dan **Perbelanjaan Lain** sebanyak **RM11,381,040** atau 1.05 peratus.

16. Secara perbandingan, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2026 menunjukkan peningkatan sebanyak RM147.72 juta atau 15.71 peratus berbanding tahun 2025 yang mencadangkan kesemua Objek Am atau OA Perbelanjaan Mengurus tahun 2026 meningkat, kecuali melibatkan Aset atau OA 30000.

17. Peningkatan Emolumen (OA 10000) sebanyak RM19.19 juta atau 9.25 peratus adalah disebabkan oleh pelaksanaan fasa kedua Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA), melibatkan kenaikan gaji pokok sebanyak 7 peratus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, manakala Kumpulan Pengurusan Tertinggi akan menerima kenaikan sebanyak 3 peratus.

18. Peningkatan sebanyak RM6.58 juta atau 3.39 peratus melibatkan Perkhidmatan dan Bekalan (OA 20000) tahun 2026 pula adalah disebabkan oleh

peningkatan Dasar Gaji Minimum daripada RM1,500.00 kepada RM1,700.00 yang melibatkan peningkatan kos kontrak Kerajaan Negeri bagi perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan, keselamatan serta perkhidmatan berkontrak sedia ada. Selain itu, peningkatan tersebut juga disebabkan oleh peningkatan kos penganjuran Majlis-majlis Rasmi Peringkat Negeri serta kenaikan tarif utiliti dan bahan bakar yang dibayar di bawah OA 20000.

19. Peningkatan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (OA 40000) sebanyak RM113.03 juta atau 21.22 peratus disebabkan oleh peningkatan caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri (KWPN) daripada RM180 juta pada tahun 2025 kepada RM265 juta pada tahun 2026 bagi menampung keperluan perbelanjaan pembangunan negeri tahun 2026.

20. Selain itu, peningkatan OA 40000 disebabkan oleh pelarasan geran mengurus kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Badan Berkanun dan Agensi Negeri serta peruntukan Jawatankuasa MMK di bawah Objek Sebagai atau OS 42000 yang mengambil kira keperluan tahun 2026.

21. Peningkatan ketara Perbelanjaan Lain (OA 50000) tahun 2026 sebanyak RM9.96 juta atau 703.5 peratus berlaku disebabkan Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM10 juta setahun sebagai pulangan balik bayaran pinjaman Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) melibatkan penstrukturan semula perkhidmatan air negeri dengan Kerajaan Persekutuan.

## **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2026**

22. Seperti yang telah saya nyatakan tadi, anggaran Perbelanjaan Mengurus tahun 2026 sebanyak RM1.088 bilion ini, turut meliputi caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan Negeri (KWPN) sebanyak RM265 juta bagi menampung komitmen perbelanjaan pembangunan negeri tahun 2026 yang berjumlah **RM318.62 juta**. Secara perbandingan, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2026 meningkat sebanyak RM98.62 juta atau 44.83 peratus berbanding tahun 2025.

23. Perhatian utama Kerajaan Negeri bagi tahun 2026 tertumpu kepada projek berimpak tinggi yang melibatkan kepentingan strategik, termasuk pengambilan tanah bagi pelaksanaan projek transit aliran ringan (LRT) Laluan Mutiara, projek *Gurney Bay* Fasa 2, pembangunan Pulau Silikon serta projek-projek sambungan di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang atau *Penang Transport Master Plan* (PTMP) yang menjadi antara pemacu utama pembangunan negeri.

24. Selain projek baharu, sebanyak 122 projek sambungan telah disenaraikan untuk tahun 2026, meliputi pelbagai kategori pembangunan seperti infrastruktur awam, kemudahan masyarakat dan projek khas ekonomi. Jumlah ini menggambarkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek pembangunan demi manfaat dan kemudahan kepada rakyat.

25. Antara projek pembangunan lain yang disenaraikan pada tahun 2026 termasuk “Projek Pembesaran Muzium dan Balai Seni Lukis”, “Projek Kemajuan Bukit Bendera”, “Projek Pembinaan Bangunan Asrama Majlis Sukan Negeri” dan “Pembinaan Bangunan Baharu Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut”. Selain itu, beberapa projek pembinaan dewan komuniti seperti Dewan Batu Maung, Dewan Kampung Baru Alma dan Dewan Taman Senangin turut disenaraikan sebagai projek sambungan bagi tahun 2026.

26. Pada kesempatan ini, Kerajaan Negeri menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas kelulusan beberapa projek utama dan berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13) di Pulau Pinang sebagaimana diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2026 yang lalu.

27. Hal ini kerana, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan kesemua 10 '*wish list*' *Rolling Plan* Pertama RMKe-13 yang dikemukakan Kerajaan Negeri bernilai RM283 juta dengan peruntukan sebanyak RM54.5 juta bagi tahun 2026 melibatkan:-

(i) Kajian Trafik Dan Guna Tanah Ke Atas Cadangan Pembinaan *Pan Island Link* (PIL);

(ii) Kerja Awalan Projek Naik taraf Jalan FT006 dari Bayan Lepas Ke Teluk Kumbar Seksyen 20.00 hingga Seksyen 23.00, Daerah Barat Daya (Reka Bentuk);

(iii) Projek Menaik Taraf Muka Sauk Di Titi Kerawang Dan Teluk Awak Serta Pemasangan Paip Air Mentah Dari Muka Sauk Ke Empangan Teluk Bahang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan;

(iv) Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 2) Kubang Semang Dan Kompleks Kesihatan Bersepadu Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Gantian);

(v) Kerja Awalan Projek Pembinaan Blok Bertingkat Hospital Kepala Batas;

(vi) Menaik Taraf Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU);

(vii) Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Juru, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) Yang Mengandungi 36 Bilik Darjah Serta Kemudahan-Kemudahan Lain Mengikut Piawai;

(viii) Kerja Awalan Pembinaan Jalan Bawah (*Underpass*) Untuk Menghubungkan Jalan *Mount Erskine* Ke Jalan

Burma Di Persimpangan Jalan *Mount Erskine*/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma/ Jalan Bagan Jermal Seksyen A: Jalan Bawah (*Underpass*);

(ix) Kajian Kemungkinan Pembangunan Pelabuhan Tuna Di Pulau Pinang Arah Keterjaminan Makanan Dalam Negara; dan

(x) Perneriksaan Pasar Nelayan Negeri Pulau Pinang.

28. Secara dasarnya, kelulusan serta komitmen ini jelas mencerminkan keprihatinan serta sokongan padu Kerajaan Persekutuan terhadap Pulau Pinang, dalam memastikan pembangunan negeri terus seiring dengan agenda pembangunan nasional di bawah kerangka Malaysia Madani. Mengambil kesempatan ini, saya menyeru agar semua jabatan serta agensi pelaksana di peringkat Negeri dan Persekutuan digembleng secara bersepadu dengan semangat tanggungjawab bersama, bagi memastikan setiap projek pembangunan ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

29. Dalam pada itu, pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) dan Konsortium PKNPk-Gamuda bagi projek pembekalan air terawat pukal pada 6 November lalu, bakal membolehkan Pulau Pinang membeli sekurang-kurangnya 300 juta liter air terawat sehari dari negeri Perak mulai tahun 2031. Secara keseluruhan, MoU tersebut akan memberi akses kepada sumber air utama kedua yang amat penting bagi memenuhi keperluan jangka panjang negeri, selaras dengan komitmen dalam memastikan projek Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030) yang dirangka berjalan lancar mengikut perancangan.

## **ANGGARAN HASIL TAHUN 2026**

30. Anggaran hasil negeri tahun 2026 adalah berjumlah **Satu Ribu, Enam Puluh Lapan Juta, Tiga Puluh Dua Ribu, Empat Ratus Tujuh Belas Ringgit (RM1,068,032,417)** atau secara ringkasnya **RM1.068 bilion**. Umumnya, anggaran hasil tahun 2026 meningkat sebanyak RM161.44 juta atau 17.81 peratus berbanding tahun 2025.

31. Dari segi pecahan hasil pula, sejumlah **Dua Ratus Enam Puluh Sembilan Juta, Tujuh Ratus Lapan Puluh Tiga Ribu, Dua Ratus Tiga Belas Ringgit (RM269,783,213)** dianggarkan sebagai Hasil Cukai. Manakala sejumlah **Enam Ratus Sembilan Puluh Sembilan Juta, Enam Ratus Lapan Puluh Enam Ribu, Tujuh Ratus Lima Puluh Ringgit (RM699,686,750)** adalah Hasil Bukan Cukai, dan sejumlah **Sembilan Puluh Lapan Juta, Lima Ratus Enam Puluh Dua Ribu, Empat Ratus Lima Puluh Empat Ringgit (RM98,562,454)** adalah Terimaan Bukan Hasil.

32. Seperti lazimnya, Hasil Bukan Cukai dijangka terus menjadi penyumbang utama kepada hasil negeri melalui unjuran terimaan bayaran premium dan bayaran khas, selain faedah pelaburan yang memberi pulangan yang konsisten.

33. Kerajaan Negeri juga menjangkakan peningkatan Hasil Cukai, terutama Cukai Langsung melalui kadar baharu Cukai Tanah mulai tahun 2026. Sungguhpun begitu, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan *rebate* cukai tanah bagi memastikan pemilik tanah tidak terkesan dengan kadar cukai baharu tersebut.

34. Dengan mengambil kira anggaran hasil negeri sebanyak RM1.068 bilion berbanding anggaran perbelanjaan sebanyak RM1.088 bilion, Belanjawan Tahun 2026 menyaksikan **anggaran defisit terendah dalam sejarah Belanjawan Negeri Pulau Pinang**, iaitu sebanyak **RM19.92 juta** berbanding unjuran defisit tahun 2025 sebanyak RM33.63 juta.

35. Tahun 2026 akan menyaksikan Visi Penang 2030 memasuki tahun kelapan (8) sejak pelancaran pada tahun 2018. Oleh itu, Belanjawan Negeri Tahun 2026 adalah berteraskan empat (4) tema, iaitu Meningkatkan Daya Huni bagi Menambah baik Kualiti Kehidupan; Menaik taraf Ekonomi bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah; Memperkasa Rakyat bagi Meningkatkan Penyertaan Awam; dan Melabur dalam Persekitaran Terbina bagi Menambah baik Daya Pemulihan.

## **MENINGKATKAN DAYA HUNI BAGI MENAMBAH BAIK KUALITI KEHIDUPAN**

Dato' Seri Yang Dipertua,

36. Di bawah **Tema A**, iaitu **Meningkatkan Daya Huni bagi Menambah baik Kualiti Kehidupan**, Kerajaan Negeri memberi fokus kepada empat (4) inisiatif strategik, iaitu Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan; Meningkatkan Keselamatan dan Kebersihan Awam Secara Berterusan; Meningkatkan

Sistem Kebajikan dan Penjagaan; dan Mempelbagaikan Kemudahan Rekreasi, Sukan, Seni dan Budaya.

## **Menangani Isu Kemampuan dan Kepelbagaian Perumahan**

37. Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran 220,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah Mutiaraku atau RMKu, melibatkan pelbagai kategori menjelang tahun 2030. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah menetapkan 17 projek pembangunan di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan Tahun 2021 hingga 2030. Sehingga 31 Oktober 2025, pembekalan unit RMKu telah mencecah sebanyak 170,706 unit atau 77.59 peratus.

38. Bagi menampung permintaan RMM yang tinggi serta menggalakkan pembinaan RMKu di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui LPNPP, telah menyelaraskan semula syarat penyediaan RMKu A mengikut zon, manakala RMKu B dan RMKu C menjadi opsi pematuhan kepada pemaju.

39. Di samping itu, syarat pematuhan penyediaan Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah melalui Skim Sewa Beli atau dengan izin, *Rent to Own* (RTO) juga ditambah baik, yang mana unit-unit tersebut diserahkan secara percuma kepada Kerajaan Negeri melalui LPNPP, bagi pemajuan yang berada dalam Zon 2 dan Zon 3 dengan kadar pematuhan sebanyak 10 peratus.

40. Penetapan had pendapatan isi rumah bagi permohonan Pasaran Terbuka atau PN4, khususnya kepada golongan T20 adalah maksimum RM20,000.00. Penetapan ini selaras dengan data Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan isi rumah yang berpendapatan purata RM18,000.00 sebulan adalah

berada dalam Kategori T20 dan tidak layak membeli rumah bersubsidi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.

41. Kerajaan Negeri juga menyambut baik perancangan Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan projek Program Residensi Rakyat (PRR) Kota Giam yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)*, RMKe-12 dengan peruntukan sebanyak RM55 juta dan projek PRR Seberang Perai Tengah yang telah diluluskan di bawah RP5, RMKe-12 dengan peruntukan sebanyak RM30 juta.

42. Kerajaan Negeri turut prihatin terhadap golongan bujang serta warga emas, khususnya mereka yang tinggal bersendirian dan memerlukan penyelesaian kediaman pada kadar segera. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan cadangan penyewaan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) secara perkongsian, atau dengan izin *co-living*, bagi mewujudkan peluang yang setara kepada golongan tersebut.

## **Meningkatkan Keselamatan dan Kebersihan Awam Secara Berterusan**

Dato' Seri Yang Dipertua,

43. Saya ingin mengalihkan fokus kepada dua tonggak utama yang menjadi nadi kepada sebuah bandar raya maju dan beradab, iaitu Kebersihan Awam dan Keselamatan Rakyat. Kita sedar, asas sebuah bandar raya yang madani bermula dari pengurusan kebersihan cemerlang dan lebih penting lagi, keselamatan awam menjadi keutamaan yang tidak boleh dikompromi. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa melaksanakan usaha-usaha berterusan untuk menambah baik tahap keselamatan dan kebersihan awam di Pulau Pinang.

44. Bagi memperkukuh aspek keselamatan awam, Kerajaan Negeri melalui inisiatif *Penang2030* terus melaksanakan langkah proaktif menerusi pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Inisiatif ini bukan sahaja berperanan dalam mencegah jenayah, malah turut menyokong pemantauan lalu lintas dan memperkukuh pelaksanaan konsep bandar pintar ke arah negeri yang lebih selamat, berdaya huni dan berteknologi tinggi. Selaras dengan aspirasi menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang sejahtera menjelang tahun 2030, sebanyak 5,000 unit CCTV disasarkan untuk dipasang di seluruh negeri. Sehingga kini, sebanyak 1,525 unit CCTV atau 30.5 peratus daripada sasaran telah dipasang, meliputi 1,137 unit di bawah pentadbiran MBPP dan 388 unit oleh MBSP. Usaha ini dilaksanakan secara berterusan melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi penguatkuasaan dan sektor swasta, bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai negeri yang selamat dan berdaya huni. Antaranya adalah:

- i. Menambah bilangan CCTV berteknologi tinggi yang mampu merakam dengan resolusi jelas serta dilengkapi dengan sistem pengesanan pintar bagi membantu pihak polis dan PBT dalam tindakan segera;
- ii. Integrasi data dengan pusat kawalan pintar atau dengan izin, *Smart Command Centre* yang membolehkan pemantauan berterusan secara lebih efisien dan bersepadu;
- iii. Kerjasama strategik dengan agensi keselamatan bagi meningkatkan keberkesanan rondaan dan memperkukuh tindakan pencegahan jenayah;
- iv. Pemasangan CCTV di kawasan berisiko tinggi seperti kawasan awam, taman perumahan, jalan utama, kawasan perniagaan dan lokasi tumpuan pelancong; dan

- v. Pembangunan sistem bandar pintar (*smart city infrastructure*) yang membolehkan CCTV disambungkan dengan teknologi *Internet of Things* (IoT) untuk analisis data masa nyata.

45. Selain daripada tanggungjawab utama Kerajaan Tempatan, MBPP dan MBSP turut menyantuni denyut nadi dan keperluan semasa rakyat dengan pendekatan yang inklusif dan berasaskan kesejahteraan komuniti. Antara inisiatif tersebut termasuklah Operasi *Crow Sharpshooter* (CroSS) dan operasi *Pigeon Purge* yang dilaksanakan oleh MBSP bagi mengurangkan populasi burung gagak dan merpati yang dikhuatiri memberi ancaman kepada tahap kebersihan dan kesihatan awam di kawasan Seberang Perai. Serentak itu, bagi mengatasi isu haiwan berkeliaran seperti lembu, anjing dan kucing, MBPP telah melaksanakan operasi kawalan dan penempatan haiwan berkeliaran atau terbiar, termasuk melalui pelaksanaan Projek Pusat Ternakan Ruminan Pantai Aceh dan *Sanctuary* Kucing di Batu Ferringhi.

46. Sejak tahun 2008, amalan kitar semula di negeri ini telah dibudayakan melalui dasar *Cleaner Greener Penang*. Pembudayaan amalan ini telah terus diperkasakan dan berdasarkan rekod, kadar kitar semula di Pulau Pinang telah meningkat pada setiap tahun, iaitu sebanyak 49.57 peratus pada tahun 2023, tahun 2024 (50.64 peratus) dan sehingga Julai 2025 (37.8 peratus). Sebagai usaha berterusan untuk memperkukuhkan amalan kitar semula, MBPP akan melaksanakan projek naik taraf fasiliti pengurusan sisa pepejal, termasuk projek Pusat Pendidikan Alam yang sedang diwujudkan di Jalan D.S. Ramanathan yang akan berfungsi sebagai Pusat Inkubator dalam pemeliharaan dan pembelajaran alam sekitar serta menjadi pusat kecemerlangan *Urban Farming*.

## **Meningkatkan Sistem Kebajikan dan Penjagaan**

Dato' Seri Yang Dipertua,

47. Dari aspek penjagaan dan kesihatan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM83,000.00 kepada Jawatankuasa MMK Kesihatan untuk melaksanakan program kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) pada tahun 2025. Kerajaan Negeri akan meneruskan komitmen yang sama pada tahun 2026.

48. Antara program utama yang dilaksanakan pada tahun ini adalah “Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan” melibatkan 241,909 individu sehingga bulan September 2025. Selain itu, program *Wellness Hub* diteruskan sebagai perkhidmatan kesejahteraan kesihatan melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran gaya hidup sihat.

49. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung inisiatif menaik taraf fasiliti kesihatan Pulau Pinang.

Sehingga 30 September 2025, sebanyak 42 projek naik taraf, ubah suai dan pembaikan fasiliti kesihatan tahun 2025 telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM8.99 juta.

50. Manakala bagi *Rolling Plan* Kelima (RP5) RMKe-12, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM9.4 juta untuk dua (2) projek Baharu, iaitu “Naik Taraf Sistem Tangki Bekalan Air di Hospital Balik Pulau” dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta serta “Naik Taraf Sistem *Chiller* dan Menara Penyejuk di Hospital Kepala Batas” dengan anggaran kos sebanyak RM4.4 juta.

## **Mempelbagaikan Kemudahan Rekreasi, Sukan, Seni dan Budaya**

51. Bagi meneruskan agenda pembangunan sukan negeri, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM350,000.00 kepada Jawatankuasa MMK Sukan pada

tahun ini. Sebagai tambahan, sejumlah RM7 juta diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi melaksanakan program-program sukan negeri, dan sejumlah RM7 juta kepada Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang.

52. Sebagai persiapan Sukan Malaysia atau SUKMA 2026 di Selangor, MSNPP kini sedang melaksanakan persiapan rapi melibatkan 37 acara dengan sasaran 60 pingat emas.

53. Kerajaan Negeri juga meneruskan penyaluran geran mengurus sebanyak RM8 juta kepada *Penang Football Club* atau Penang FC sebagai sokongan kepada pembangunan bola sepak negeri.

## **MENAIK TARAF EKONOMI BAGI MENINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH**

54. Di bawah **Tema B** pula, iaitu **Menaik taraf Ekonomi bagi Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah**, Kerajaan Negeri menyasarkan empat (4) inisiatif strategik, iaitu Memajukan Ketersediaan Industri Pembuatan Tempatan untuk Era Digital dan Ekonomi Hijau; Memodenkan dan Mempelbagaikan Pertanian Lestari; Mencipta Pelbagai Produk Pelancongan yang Berkualiti di Seluruh Pulau dan Seberang Perai; dan Membina Ekosistem yang Memupuk Industri Kreatif dan Perkhidmatan Perniagaan Khusus.

### **Memajukan Ketersediaan Industri Pembuatan Tempatan untuk Era Digital dan Ekonomi Hijau**

55. Hasil sokongan Kerajaan Persekutuan melalui komitmen peruntukan sebanyak RM50 juta dan geran padanan oleh Kerajaan Negeri, *Penang Silicon Design @5km+* telah mula membuahkan hasil. Jumlah syarikat

reka bentuk litar bersepadu atau dengan izin, *IC Design* yang beroperasi di Pulau Pinang meningkat daripada 20 syarikat pada tahun 2024 kepada lebih 45 syarikat pada tahun 2025. Malah, Kerajaan Negeri turut berbangga dengan pencapaian dua (2) syarikat tempatan, iaitu *SkyeChip* dan *Silicon X* yang masing-masing membangunkan cip berteknologi tinggi dan *proprietary chip* tempatan “*Made by Malaysia*”.

56. Bagi memantapkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan berimpak tinggi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan promosi pelaburan bersasar kepada pelabur baharu, dan sedia ada melalui penganjuran misi pelaburan ke negara-negara utama seperti Jepun serta Belanda pada tahun 2025. Misi ini memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat baharu yang berpotensi melabur di Pulau Pinang, di samping mengeratkan hubungan dengan pelabur sedia ada yang merancang pengembangan operasi mereka, khususnya dalam industri semikonduktor. Usaha ini turut merangkumi jalinan hubungan awal dengan pembekal

sedia ada ASML dari Belanda, yang kini meninjau peluang untuk memperluaskan kemudahan pengeluaran mereka ke rantau Asia Tenggara.

57. Melalui usaha gigih ini, kita telah menyaksikan peningkatan ketara dalam pelaburan pembuatan yang diluluskan. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2025, Pulau Pinang merekodkan pelaburan pembuatan yang diluluskan berjumlah RM12.5 bilion, merangkumi 86 projek yang dicatatkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), dan dianggarkan akan mewujudkan sebanyak 11,116 peluang pekerjaan baharu. Daripada jumlah ini, RM10.5 bilion adalah pelaburan langsung asing, manakala RM2.0 bilion adalah pelaburan langsung domestik (DDI).

58. Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan pelbagai langkah persediaan dari segi infrastruktur dan penyediaan ruang yang kondusif bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Antara

inisiatif utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pembangunan taman-taman perindustrian baru yang lengkap dengan infrastruktur bertaraf antarabangsa seperti Taman Teknologi Bandar Cassia, *Batu Kawan Industrial Park 3 (BKIP3)* dan *Penang Science Park South (PSPS)*.

59. Pada masa sama, Kerajaan Negeri tetap komited memastikan pembangunan ekonomi ini berjalan seiring dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, melalui pelaksanaan pelbagai program yang diterajui oleh *Penang Green Council (PGC)* dengan kos sebanyak RM424,000.00. Antaranya, *Penang Green Data Programme*, *Penang Energy Study* dan *Penang Green Industry Programme*, yang diharapkan dapat memperkukuh ekosistem pelaburan negeri, menggalakkan pertumbuhan hijau serta memacu Pulau Pinang ke arah menjadi negeri pintar, mampan dan berdaya saing di peringkat global.

## **Memodenkan dan Mempelbagaikan Pertanian Lestari**

Dato' Seri Yang Dipertua,

60. Pulau Pinang sering dilihat sebagai negeri industri, tetapi ramai yang kurang sedar bahawa negeri ini juga memiliki kawasan hijau berorientasikan pertanian mampan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan memanfaatkan agroteknologi untuk meningkat hasil dan kualiti produk pertanian. Hasilnya, pengeluaran padi negeri tahun 2023 mencapai 122,345 tan metrik dengan nilai RM183.5 juta, manakala pada tahun 2024, sebanyak 116,402 tan metrik dengan nilai RM174.6 juta dicatatkan.

61. Terkini, Kerajaan Negeri menjalinkan kerjasama dengan *Fujian Agriculture and Forestry University* (FAFU), sebuah institusi penyelidikan pertanian utama di wilayah Fujian, China untuk meneroka teknologi penanaman padi ratun atau dengan izin, *ratoon rice*.

Kaedah tersebut membolehkan padi dituai sebanyak dua (2) kali dengan hanya sekali tanaman. Sekiranya teknologi tersebut berjaya, ia akan membuka lembaran baharu dalam industri pertanian padi negara. Oleh itu, Pulau Pinang bersedia menjadi peneroka kepada pelaksanaan teknologi tersebut.

62. Selain itu, pengeluaran buah-buahan pada tahun 2023 merekodkan 33,560 tan metrik yang bernilai RM335.6 juta; manakala sebanyak 29,388 tan metrik bernilai RM293.9 juta dicatatkan pada tahun 2024. Hasil sayur-sayuran pula mencatatkan 10,936 tan metrik yang bernilai RM32.8 juta pada tahun 2023, sebanyak 7,158 tan metrik yang bernilai RM21.5 juta pada tahun 2024.

63. Menurut dapatan interim Bancian Pertanian Pulau Pinang Tahun 2024, sektor ternakan muncul sebagai penyumbang terbesar, iaitu sebanyak 44 peratus daripada Nilai Jualan Pertanian Keseluruhan Negeri Pulau Pinang dengan jumlah sebanyak RM3.514 bilion.

64. Manakala bagi aspek pengeluaran ladang, Nilai Hasil Ternakan (NHT) telah mengekalkan perolehan melebihi RM1 bilion setiap tahun sejak 2019. Pada tahun 2024, NHT menunjukkan peningkatan berjumlah RM41.54 juta, mencatatkan RM1.91 bilion berbanding RM1.86 bilion pada tahun 2023. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan harga pasaran, khususnya bagi komoditi ayam, itik dan khinzir serta peningkatan pengeluaran ternakan ruminan.

65. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang melaksanakan Enakmen Penternakan Negeri melibatkan industri ternakan mandiri, seperti unggas dan khinzir, bagi menggalakkan transformasi penternakan secara moden atau dengan izin, *modern farming*. Penggunaan kandang dan reban tertutup, atau dengan izin, *closed house*, dijadikan salah satu kriteria penternakan moden. Bagi menyokong komitmen ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM4.25 juta pada tahun 2026.

66. Negeri Pulau Pinang turut menyumbang kepada pengeluaran hasil akuakultur negara dengan mencatatkan nilai sebanyak RM866 juta pada tahun 2024. Sektor Perikanan Tangkapan juga tidak kurang hebatnya kerana pada tahun 2024, sebanyak 39,441.31 tan metrik dicatatkan sebagai pendaratan ikan darat dan laut.

67. Sejak tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM350,000.00 bagi projek kerjasama antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan Kerajaan Negeri bagi program Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Darat. Melalui program ini, sebanyak 1.35 juta ekor benih udang galah, ikan baung dan ikan lampam sungai telah dilepaskan ke dalam perairan sungai. Pada tahun 2025 pula, program ini diperhebatkan lagi dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM880,000.00 melibatkan pelepasan ke perairan laut selain perairan darat.

68. Selain itu, Jabatan Perikanan Negeri sentiasa memberi kerjasama kepada Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pelaburan dan kehadiran vesel tuna negara asing bagi pendaratan ikan tuna di negeri Pulau Pinang. Uniknyanya, berdasarkan data tahun 2025, Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mengeluarkan lesen vesel tuna untuk 32 vesel C3 tempatan yang keluar menangkap tuna di Lautan Hindi menggunakan peralatan rawai selama dua (2) hingga tiga (3) bulan dan kembali semula ke pelabuhan di Pulau Pinang untuk pendaratan.

69. Sehingga kini, terdapat empat (4) vesel asing dari luar negara yang mendaratkan ikan-ikan mereka pada tahun 2025 sebelum dieksport ke luar negara. Pada tahun 2024, sebanyak 431 metrik tan ikan tuna telah didaratkan, dan dijangka akan meningkat pada tahun 2025 dan 2026. Malah, pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara *Asia Ocean Resources Sdn. Bhd.* (AORSB) dan *Penang Port Sdn. Bhd.* (PPSB) yang berlangsung pada 16 September lalu bakal mengubah

Pelabuhan Pulau Pinang daripada menyediakan perkhidmatan kargo konvensional kepada pintu masuk strategik untuk rantai bekalan makanan laut bernilai tinggi sekali gus meningkatkan kedudukannya dalam industri perikanan antarabangsa. Keyakinan ini adalah selaras dengan kelulusan *Rolling Plan 1* (RP1) Tahun 2026, RMKe-13 mengenai kajian pembangunan pelabuhan tuna di Pulau Pinang.

## **Mencipta Pelbagai Produk Pelancongan yang Berkualiti di Seluruh Pulau dan Seberang Perai**

Dato' Seri Yang Dipertua,

70. Pulau Pinang terus mengukuhkan kedudukan sebagai destinasi pelancongan berkualiti di rantau ini. Sehingga suku pertama tahun 2025, Pulau Pinang menerima 2.1 juta tetamu hotel, meningkat sebanyak 10.2 peratus berbanding tempoh sama tahun 2024. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) merekodkan 5.2 juta

pergerakan penumpang, meningkat 5.98 peratus berbanding tempoh sama tahun 2024. Selaras dengan Tahun Melawat Malaysia 2026 dan peningkatan penerbangan terus ke Pulau Pinang, Kerajaan Negeri yakin sektor pelancongan negeri akan menjadi lebih rancak pada tahun hadapan.

71. Sejak tahun 2023 hingga 2025, sebanyak 372 program serta projek pelancongan dan ekonomi kreatif telah dilaksanakan dengan jumlah perbelanjaan melebihi RM21 juta. Sokongan ke atas industri pelancongan dan ekonomi kreatif akan diteruskan pada tahun 2026. Antaranya, penambahbaikan Galeri Arkeologi Guar Kepah di Seberang Perai Utara (SPU) hasil kerjasama dengan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), dan pembukaan Galeri Seni Lin Xiang Xiong sebagai mercu tanda budaya baharu yang menyuburkan semangat kreativiti. Ia bakal menjadi ruang pertemuan antara seni, pendidikan dan pelancongan, sekali gus memperkukuh kedudukan Pulau Pinang sebagai hab kreatif dan destinasi warisan bertaraf dunia.

72. Kerajaan Negeri akan menyokong pelaksanaan 100 program pelancongan dan ekonomi kreatif dengan unjuran kos sebanyak RM7 juta pada tahun 2026. Fokus utama adalah untuk memastikan setiap inisiatif yang dijalankan membawa nilai tambah tinggi, selari dengan matlamat untuk memperkukuh ekosistem pelancongan dan industri kreatif yang berdaya tahan.

### **Membina Ekosistem yang Memupuk Industri Kreatif dan Perkhidmatan Perniagaan Khusus**

73. Pulau Pinang turut mencatat 2,059 acara perniagaan pada tahun 2024, peningkatan sebanyak 240.9 peratus berbanding tahun 2023 dengan 604 acara perniagaan. Bagi tempoh sehingga Ogos tahun 2025, 1,183 acara telah dilaksanakan di Pulau Pinang dengan Unjuran Impak Ekonomi melebihi RM800 juta, sekali gus memposisikan negeri ini sebagai hab konvensyen utama di Malaysia.

74. Pada tahun 2025, Pulau Pinang menerusi *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PCEB) sedang mempergiatkan promosi segmen baharu, iaitu acara pameran atau dengan izin, *Exhibition* melalui pembukaan *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC) mulai Oktober 2025. Melalui perjanjian persefahaman yang telah ditandatangani antara PCEB dan KINTEX Korea, lebih banyak acara pameran yang akan diadakan di Pulau Pinang pada tahun 2026.

## **MEMPERKASA RAKYAT BAGI MENINGKATKAN PENYERTAAN AWAM**

Dato' Seri Yang Dipertua,

75. Selanjutnya, di bawah **Tema C**, iaitu **Memperkasa Rakyat bagi Meningkatkan Penyertaan Awam**, Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap empat (4) inisiatif strategik, iaitu Membantu Komuniti Yang Rentan dan Mengurangkan Ketaksamaan; Meningkatkan Penyertaan Belia, Wanita dan Warga Emas dalam

Kehidupan Masyarakat; Mewujudkan Lebih Banyak Platform Untuk Penglibatan Orang Ramai Dalam Pembangunan Sosial; dan Mempercepat Penyampaian Program dan Pembaharuan Institusi.

### **Membantu Komuniti Yang Rentan dan Mengurangkan Ketaksamaan**

76. Selaras dengan tema C1 di bawah kerangka Visi Penang2030, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jawatankuasa MMK Pendidikan dan Pengajian Tinggi kekal komited memartabatkan institusi pendidikan negeri ini sebagai hab pendidikan progresif, inklusif serta bertaraf antarabangsa. Usaha ini mencerminkan tekad Kerajaan Negeri dalam melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia yang mampu menjadi pemangkin kemajuan negeri.

77. Sejak tahun 2023, sejumlah RM826 ribu telah diperuntukkan di bawah Jawatankuasa ini bagi melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk program

pendigitalan pendidikan seperti pemberian *smartboard*, serta pelaksanaan program menangani isu keciciran pelajar dan pemantapan literasi dan numerasi (3M: Membaca, Menulis, Mengira) di seluruh negeri Pulau Pinang.

78. Program i-Sejahtera merupakan bukti kesungguhan Kerajaan Negeri dalam menyantuni golongan rentan dan menghargai sumbangan rakyat negeri ini. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah mengagihkan sejumlah RM56.24 juta, termasuk bantuan pengurusan jenazah kepada 286,335 penerima.

79. Sehingga 31 Oktober 2025, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM53.57 juta melibatkan 287,923 penerima. Malah, sebagai sebuah negeri yang cakna kebajikan, Kerajaan Negeri berhasrat meneruskan program i-Sejahtera pada tahun 2026 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM65 juta bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir mahupun dipinggirkan.

## **Meningkatkan Penyertaan Belia, Wanita dan Warga Emas dalam Kehidupan Masyarakat**

80. Bagi memperkukuh peranan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP), Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.39 juta pada tahun 2025 bagi tujuan pembayaran elaun serta pelaksanaan program pembangunan belia. Bagi tahun hadapan, Perbadanan Belia Pulau Pinang (PYDC) bersama Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) akan terus memperkukuh pelaksanaan inisiatif ini dengan sasaran penyertaan 40,000 belia menjelang tahun 2027, seiring dengan aspirasi Kerajaan Negeri untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing, berwawasan dan berjiwa kepimpinan.

81. Umum mengetahui bahawa Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) merupakan satu-satunya struktur rasmi di bawah

Kerajaan Negeri di Malaysia. Dengan keahlian 15 wanita di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), jumlah keseluruhan JPWK di Pulau Pinang kini mencecah seramai 600 orang.

82. Menyentuh mengenai negeri menua atau dengan izin, *an ageing state*, Kerajaan Negeri cakna akan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan pada tahun 2024, seramai 8 peratus penduduk Pulau Pinang adalah berusia 65 tahun ke atas, sekaligus meletakkan Pulau Pinang antara negeri menua dalam negara. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui MBPP telah melancarkan 'Inisiatif Bandar Mesra Usia' atau *Age-Friendly City*. Inisiatif sama akan diperluaskan ke kawasan Seberang Perai bermula tahun ini yang mana sejumlah RM403,800.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaannya, dan ia akan disalurkan secara berperingkat mulai tahun 2025 hingga 2028.

## **Mewujudkan Lebih Banyak Platform untuk Penglibatan Orang Ramai dalam Pembangunan Sosial**

83. Kerajaan Negeri terus komited dalam usaha mewujudkan lebih banyak platform atau ruang penyertaan awam membabitkan pembangunan sosial melalui pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang kini memasuki Fasa Kedua pelaksanaannya di bawah Hala Tuju DKG 2019–2030. Dasar ini digerakkan bagi memastikan prinsip kesaksamaan gender diintegrasikan dalam semua dasar, perancangan dan pelaksanaan di peringkat negeri serta PBT. Antara teras utama pelaksanaan dasar ini ialah Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRPB), yang menekankan penglibatan aktif rakyat dalam proses perancangan bajet agar lebih berorientasikan keperluan sebenar masyarakat.

84. Melalui pelaksanaan GRPB, pelbagai bengkel, sesi dialog dan program libat urus bajet rakyat telah dijalankan bagi menggalakkan penyertaan komuniti dalam merangka bajet di peringkat Kerajaan Tempatan. Pulau Pinang kini menjadi perintis dalam pendekatan ini, malah model GRPB yang dilaksanakan di negeri ini telah diiktiraf sebagai amalan terbaik di Malaysia, dan dirujuk oleh agensi serta PBT dari negeri-negeri lain. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh dasar inklusif negeri, malah memperlihatkan kepimpinan Pulau Pinang dalam menggalakkan rakyat sebagai rakan kongsi pembangunan sosial ekonomi yang mampan.

85. Menerusi iltizam untuk merealisasikan Visi Penang2030 dengan membentuk persekitaran yang selamat untuk semua, Kerajaan Negeri melalui PWDC kekal komited dalam menangani ketaksamaan gender dan keganasan keluarga melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) sejak lima tahun lalu. Dasar ini telah berjaya melatih seramai 2,086 individu dan 536 *First Support Point* (FSP) terdiri daripada pelbagai agensi

kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti, malah 69 anggota polis turut dilatih untuk meningkatkan kecekapan barisan hadapan dalam mengendalikan kes keganasan rumah tangga.

86. Lebih membanggakan, usaha kita melalui kerjasama PWDC dengan Unit Pengurusan Maklumat Geospatial (PEGIS) telah menghasilkan aplikasi mudah alih *Penang Stops Violence* bagi memudahkan mangsa mengenal pasti *First Support Point* (FSP) terdekat, dan aplikasi berkaitan telah menerima pengiktirafan antarabangsa dengan memenangi Anugerah Geospatial World Excellence 2023 dan *The World Summit on the Information Society Prizes 2025*. Selain itu, kempen kesedaran awam seperti *Penang Goes Orange* yang kini memasuki tahun ke-12 berperanan sebagai tunjang penting dalam membina komuniti yang selamat dan lestari.

## **Mempercepat Penyampaian Program dan Pembaharuan Institusi**

87. Sejak Pilihan Raya Negeri tahun 2023, Kerajaan Negeri terus menggiatkan usaha reformasi institusi dan kekal komited dalam memperkasa pembangunan Agama Islam melalui Agenda Pembangunan Agama Islam 2030 (APAI2030) yang berpaksikan lima (5) teras utama, iaitu Pembangunan Sosioekonomi, Pembangunan Pendidikan, Pembangunan Keluarga, Pembangunan Anak Muda, serta Pembangunan Dakwah dan Tarbiah.

88. Dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat melalui pembangunan seimbang antara kemajuan fizikal dan spiritual, antara keutamaan yang diberi perhatian ialah usaha membangunkan masjid di seluruh negeri bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam terhadap kemudahan ibadah yang kondusif serta selamat. Usaha membangunkan masjid dilaksanakan melalui peruntukan kewangan tahunan, bantuan penyelenggaraan, pembangunan prasarana serta sokongan terhadap aktiviti dakwah dan pendidikan di masjid seluruh negeri.

89. Komitmen ini dibuktikan melalui peruntukan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi setiap projek pembinaan dan pengubahsuaian masjid serta surau di Pulau Pinang bagi tempoh 2023 hingga 2025. Pada tahun ini, lima (5) buah masjid telah siap dibina iaitu Masjid Papan, Masjid Taman Sungai Dua Utama, Masjid Bandar Cassia, Masjid Sungai Kechil Nibong Tebal dan Masjid Mengkuang Titi dengan jumlah komitmen Kerajaan Negeri sebanyak RM9.8 juta.

90. Selain itu, Masjid Bandar Putra Bertam juga dijangka siap pada tahun ini dengan jumlah peruntukan RM2 juta. Manakala tiga (3) buah masjid lagi sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2026 dan 2027, iaitu:

i. Masjid Lama Sungai Bakap dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM6 juta;

ii. Masjid Cherok Tok Kun Bawah, RM4.5 juta; dan

iii. Masjid Permatang Tinggi, RM3.5 juta.

91. Kerajaan Negeri juga merancang membangunkan sebuah Masjid Bandaraya di tapak *Smart City Campus*, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) di Bandar Cassia, Batu Kawan. Pada tahun ini, Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang sedang melaksanakan kerja-kerja awalan yang meliputi siasatan dan pengukuran tanah serta penyediaan reka bentuk masjid.

92. Bagi tahun 2025, fokus utama turut diberikan kepada pembangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Keseluruhan kos pembinaan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melibatkan dua (2) SAR yang akan siap dibina iaitu:

- i. Madrasah Al-Ittihadiyah Al-Wataniyah, Cherok Tok Kun, Seberang Perai Tengah (SPT) dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.85 juta; dan
- ii. Sekolah Agama Rakyat Masjid, Seberang Perai Utara (SPU), Telok Air Tawar (RM4.01 juta).

93. Sementara itu, tiga (3) buah SAR lagi sedang dalam fasa pembinaan iaitu:

- i. Madrasah An-Najah, Kampung Selamat, SPU;
- ii. Sekolah Agama Rakyat Nurul Falah, Taman Berjaya, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan (SPS); dan
- iii. Sekolah Agama Rakyat Masjid Bandar Baru Ayer Itam, Daerah Timur Laut (DTL).

Jumlah peruntukan keseluruhan bagi ketiga-tiga projek berkaitan adalah sebanyak RM15.07 juta.

94. Sebagai sebuah negeri harmoni yang turut meraikan kepelbagaian agama, pelbagai perayaan utama, program Eksplorasi Rumah Ibadat dan sesi dialog antara agama telah diadakan secara berterusan. Selain itu, sambutan Penang Harmoni dan pengenalan *Streets of Harmony* baharu di Bukit Mertajam turut dilaksanakan. Manakala,

sebuah lagi *Streets of Harmony* baharu telah diperkenalkan di Bayan Baru.

95. Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sekurang-kurangnya RM5 juta bagi menyokong program dan projek infrastruktur Rumah Ibadat Bukan Islam di Pulau Pinang, tidak termasuk peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam berjumlah RM150,000.00 dan Akaun Amanah RIBI. Sehingga September 2025, sebanyak 77 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri pelaksanaan program dan projek naik taraf.

## **MELABUR DALAM PERSEKITARAN TERBINA BAGI MENAMBAH BAIK DAYA PEMULIHAN**

96. Di bawah **Tema D**, iaitu **Melabur dalam Persekitaran Terbina bagi Menambah baik Daya Pemulihan**, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada

empat (4) inisiatif strategik, iaitu Mengimbangi Pembangunan Melalui Perancangan Ruang yang Berkesan; Mengukuhkan Mobiliti, Hubungan dan Infrastruktur Digital; Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran Dengan Teknologi Pintar; dan Melaksanakan Rancangan Penyesuaian Perubahan Iklim.

## **Mengimbangi Pembangunan Melalui Perancangan Ruang yang Berkesan**

Dato' Seri Yang Dipertua,

97. Pulau Pinang akan terus memacu pembangunan dengan pendekatan yang berdaya tahan terhadap cabaran global, terutamanya isu perubahan iklim yang kini mengancam negeri dengan kejadian banjir, kemarau dan tekanan ekologi marin. Justeru, Kerajaan Negeri telah menetapkan hala tuju pembangunan ke arah Bandar Berdaya Tahan (*Resilient City*) melalui inisiatif alam, perancangan strategik dan

projek infrastruktur inovatif. Usaha-usaha utama seperti *Penang Nature-Based Climate Adaptation Programme* (PNBCAP), pertanian bandar, penanaman pokok berskala besar, termasuk pembangunan strategik seperti Pulau Silikon bakal memastikan Pulau Pinang bergerak ke arah persekitaran yang lebih lestari dan tangkas, selaras dengan Visi Penang2030.

98. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kerajaan Negeri melalui PLANMalaysia Pulau Pinang akan terus beriltizam sebagai peneraju perancangan bandar dan desa, dengan memperkukuh tadbir urus serta kerangka perundangan pembangunan. Kerajaan Negeri telah mencapai kemajuan signifikan dengan kelulusan lapan Garis Panduan Perancangan baharu oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) sehingga Julai 2025, termasuk Garis Panduan *Managed Industrial Park* (MIP) dan Laluan Kenderaan Mikromobiliti. Di samping itu, kajian semula dokumen perancangan utama sedang giat dilaksanakan, merangkumi Kajian Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2040 (RSNPP2040) dan

penyediaan Rancangan Tempatan (RT) serta Rancangan Kawasan Khas (RKK). RSNPP2040 ini akan mengambil kira dasar perancangan terkini dan menyelaraskan projek berimpak tinggi seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) dan projek Pulau Silikon.

Dato' Seri Yang Dipertua,

99. Saya juga ingin membentangkan kemajuan yang telah dicapai dalam projek pembangunan strategik negeri iaitu pembangunan Pulau Silikon atau *Silicon Island* (SI). Pembangunan Pulau Silikon yang berkeluasan 2,300 ekar terus mencapai kemajuan yang memberangsangkan. Kerja-kerja tambakan yang dimulakan pada September 2023 telah meliputi keluasan sebanyak 250 ekar sehingga akhir Oktober 2025. Tanah yang siap ditambah kini sedang dimampatkan bagi membolehkan tapak dijual mengikut pelan perancangan kemajuan yang diluluskan. Projek ini dilaksanakan dalam 2 fasa, dengan Fasa 1 melibatkan keluasan 1,260 ekar yang dijangka siap pada tahun 2030, disusuli oleh Fasa 2 yang berkeluasan 1,030 ekar.

100. Bagi Fasa 1, tapak-tapak kritikal yang dijadualkan siap pada akhir tahun 2025 dan suku pertama tahun 2026 termasuk:

- i. Tapak depo LRT;
- ii. Tapak loji Indah Water Konsortium seluas 16.74 ekar; dan
- iii. Sebahagian kawasan industri *Green Tech Park* berkeluasan 100 ekar.

101. Manakala, tapak-tapak strategik lain, seperti tapak rumah mampu milik seluas 21.16 ekar, tapak masjid, kawasan *Heart of The Island* (HOTI) serta tapak pusat pentadbiran Kerajaan Negeri akan disiapkan sepenuhnya antara suku keempat tahun 2026 hingga 2030.

102. Bagi menjamin kelancaran kerja infrastruktur dan pembangunan, pembinaan jambatan sementara yang menghubungkan Pulau Pinang Selatan dengan Pulau Silikon telah disiapkan sepenuhnya. Selain itu, kerja pembinaan jambatan kekal berserta jalan masuk utama ke Pulau Silikon, iaitu *Pan Island Link 2A (PIL 2A)* Fasa 1 sepanjang 1.5 kilometer dengan kos RM389 juta telah dimulakan. Pada masa sama, pembinaan loji rawatan Indah Water Konsortium (IWK) telah menerima kelulusan, dan dijangka akan dimulakan selewat-lewatnya pada suku pertama 2026.

103. Menyentuh mengenai komitmen Kerajaan Negeri berhubung penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan rakyat negeri ini, perkhidmatan bas merupakan salah satu perkhidmatan pengangkutan awam yang amat dititiberatkan oleh Kerajaan Negeri. Antara program utama yang diteruskan adalah perkhidmatan dua (2) laluan bas percuma *CAT Bridge* dan empat (4) laluan BEST KOMTAR, perkhidmatan bas *Central Area Transit (CAT)* George Town, manakala penambahan laluan

Baharu, iaitu CAT Hospital akan mula beroperasi mulai 1 Januari 2026.

104. Kerajaan Negeri juga sekali lagi akan meneruskan pembiayaan Pas Mutiara pada tahun hadapan, menjadikan semua laluan bas awam, termasuk *Rapid on Demand* (ROD) adalah percuma di Pulau Pinang melalui penggunaan Pas Mutiara. Secara keseluruhannya, pada tahun ini, sejumlah RM12.3 juta telah diperuntukkan sebagai subsidi Kerajaan Negeri dalam sektor pengangkutan awam.

Dato' Seri Yang Dipertua,

105. Kerajaan Negeri amat komited terhadap Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP), dan sukacitanya melaporkan bahawa janji-janji kepada komuniti nelayan telah ditepati, malah dilaksanakan secara berterusan.

106. Sebagaimana yang dijanjikan, bayaran *ex-gratia* secara tunai berjumlah RM11.9 juta telah disalurkan kepada 795 nelayan layak dari Tahap 1 dan Tahap 2. Kerajaan Negeri juga ingin menegaskan bahawa bantuan bot baru yang bersaiz 27 kaki panjang, lengkap dengan enjin dan peralatan menangkap ikan telah disempurnakan sepenuhnya kepada 77 nelayan dari Unit Permatang Tepi Laut. Penyerahan bot bagi baki tiga (3) unit lain, iaitu Sungai Batu, Teluk Kumbar, dan Gertak Sanggul sedang dilaksanakan dan dijangka selesai sepenuhnya pada suku pertama tahun 2027.

107. Sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab, kesemua sembilan (9) unit nelayan terlibat telah menerima bantuan *ex-gratia*, manakala kesemua empat (4) unit nelayan dari Tahap 1 akan menerima bot dan enjin beserta peralatan menangkap ikan, walaupun Kerajaan Negeri kini hanya melaksanakan tambakan sebuah pulau sahaja berbanding sebelum ini yang melibatkan tiga (3) pulau.

108. Dalam pada itu, 14 daripada 61 bangsal nelayan bernilai RM1.039 juta telah diserahkan kepada nelayan kawasan Kampung Binjai. Bangsal-bangsal ini dibina dengan struktur yang lebih kukuh berserta kemudahan menambat bot. Penyerahan baki bangsal yang melibatkan anggaran kos RM4.22 juta kepada nelayan Permatang Tepi Laut dan Kampung Binjai akan disiapkan secara berfasa menjelang tahun 2027.

109. Dalam usaha meningkatkan kemudahan masyarakat tempatan, sebuah bangunan gantian baru Pusat Kegiatan Desa di Permatang Tepi Laut dengan kos RM900,000.00 telah disiapkan dan diserahkan. Kemudahan ini akan digunakan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Pulau Pinang sebagai tadika, pusat perkhidmatan digital dan kelas jahitan. Selain itu, kerja perancangan akhir sedang dilaksanakan bagi membina Medan Selera Matang di Permatang Tepi Laut. Kemudahan ini merangkumi antara lain 10 gerai perniagaan termasuk restoran, sebuah dewan Majlis

Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan kawasan riadah. Sebagai makluman, di kawasan yang sama juga, keseluruhan kerja-kerja pembinaan kemudahan Medan Selera Matang, tangki sedutan dan rumah pam bagi penyediaan bekalan air sementara ke Pulau Silikon sebagaimana mana ketetapan PBAPP berserta kerja-kerja tanah di Permatang Tepi Laut akan melibatkan kos keseluruhan yang dianggarkan berjumlah RM36 juta.

## **Mengukuhkan Mobiliti, Hubungan dan Infrastruktur Digital**

Dato' Seri Yang Dipertua,

110. Menyentuh mengenai agenda transformasi digital, Kerajaan Negeri meneruskan komitmen melalui penaiktarafan sistem Maklumat Geografi (GIS) SMARTPLAN di bawah Penang GeoHub, yang kini memuatkan 18 Modul termasuk SMART Industri dan SMART *Penang Bay*, bagi merangka dasar perancangan yang lebih mantap. Selain itu, *Blueprint* Bandar Pintar

Negeri Pulau Pinang sedang disiapkan untuk menggantikan dokumen terdahulu dan mengaplikasikan komponen Bandar Pintar bagi meningkatkan kualiti hidup, pertumbuhan ekonomi serta persekitaran yang mampan menjelang 2030. Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Pelan Induk Perindustrian Negeri Pulau Pinang 2030, membuktikan komitmen untuk meningkatkan rantai nilai sektor perindustrian dan mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan di rantau ini.

111. Dalam pada itu, *Creative Digital District (CD<sup>2</sup>)* merupakan kawasan berpusat di Gat Lebu China, yang diwujudkan bagi menghidupkan semula kawasan teras bandar Pulau Pinang serta membentuk sebuah daerah inovasi berteraskan teknologi digital dan industri kreatif. Pada tahun 2022, kawasan seluas 114 ekar ini telah berkembang pesat dengan kehadiran pelbagai institusi dan syarikat termasuk Fakulti Teknologi Digital Wawasan Open University, *Digital Penang*, *42Penang*, *Finexus*, *Penang Science Cluster*, *Rekayu*, Think City Sdn. Bhd.,

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) Pejabat Zon Utara, dan TS Cloud Sdn. Bhd. Pelaksanaan CD<sup>2</sup> turut diperkukuh melalui pelbagai program pembangunan digitalisasi usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), bengkel teknikal serta inisiatif kolaboratif antara agensi kerajaan dan sektor swasta bagi memperkukuh keupayaan syarikat teknologi pemula tempatan. Inisiatif ini terus berkembang secara dinamik dengan penyertaan komuniti kreatif, digital dan teknologi bagi mewujudkan ekosistem inovasi yang mampan serta berdaya saing, dan seterusnya memberi manfaat kepada syarikat teknologi pemula, PMKS, syarikat digital serta rakyat Pulau Pinang keseluruhannya.

112. Kerajaan Negeri melalui *Digital Penang* telah membangunkan Pelan Induk Ekonomi Digital atau dengan izin, *Digital Economy Master Plan (DEMP) 2025* hingga 2030 untuk membentuk masyarakat terhubung, kreatif dan berdaya saing, di samping menyokong agenda strategik negeri, terutama dalam meletakkan Pulau Pinang sebagai *IC Design Hub* di Asia Tenggara.

113. Keberkesanan Demp ditentukan oleh beberapa indikator utama seperti berikut:

Pertama,

Meningkatkan sumbangan KDNK Pulau Pinang daripada RM116 bilion pada tahun 2023 kepada RM156 bilion menjelang tahun 2030;

Kedua,

Meningkatkan sumbangan ekonomi digital kepada 35 peratus daripada KDNK Pulau Pinang menjelang tahun 2030;

Ketiga,

Menarik pelaburan digital sehingga RM20 bilion dan pelaburan pembuatan semikonduktor maju sehingga RM13 bilion menjelang tahun 2030;

Keempat,

Meningkatkan pendapatan median isi rumah Pulau Pinang sebanyak kira-kira 17 peratus kepada RM7,700 menjelang tahun 2030;

Kelima,

Mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan digital baharu dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja sebanyak 30 peratus; dan

Keenam,

Mengurangkan intensiti tenaga sebanyak 25 peratus dan meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui kepada 10 peratus.

114. Bagi mengukuhkan mobiliti dan infrastruktur digital, *Penang Internet Exchange* atau PIX telah ditubuhkan untuk meningkatkan kelajuan data internet dan kualiti sambungan digital.

115. Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui *Digital Penang* akan memberi tumpuan kepada pemupukan bakat digital dan inovasi antaranya, melalui pensijilan pengujian perisian. Di samping itu, penekanan turut diberikan kepada pemerkasaan keselamatan siber dan privasi data melalui inisiatif PIX dengan unjuran kos sebanyak RM300,000.00.

## **Mengintegrasikan Perkhidmatan Perbandaran dengan Teknologi Pintar**

116. Kerajaan Negeri menyokong usaha MBPP untuk mengintegrasikan perkhidmatan perbandaran melalui teknologi pintar pada tahun 2026. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah *3D Heritage Building Mapping*, *Weather Station* dan Penggunaan Teknologi Geotech Lidar.

117. Selain itu, bagi memastikan kemajuan teknologi pintar dapat dioptimumkan secara total, Kerajaan Negeri turut menggalakkan penerapan teknologi pintar dalam kalangan syarikat pemula dan Perindustrian kecil dan sederhana (PKS). Sejumlah RM560,318.00 telah dibelanjakan dari tahun 2023 hingga Oktober 2025 yang meliputi program literasi digital, keterangkuman teknologi serta penglibatan komuniti dalam agenda transformasi digital.

118. Sebagai tambahan, *Digital Penang* turut memperkenalkan aplikasi “Pantau”, iaitu sebuah sistem penjejak lokasi masa nyata, atau dengan izin, *real-time location tracking* untuk kegunaan orang awam, khususnya semasa berlangsung sambutan perayaan-perayaan utama dalam negeri. Sehingga kini, aplikasi ini telah dimanfaatkan oleh lebih daripada 20,000 pengguna.

119. Sementara itu, usaha untuk meningkatkan keselamatan siber dalam kalangan penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) melalui inisiatif “MyKADUN” masih diteruskan, dan kini telah mencatat rekod pelanggan melebihi 20,000 orang. Menjelang tahun 2026, sejumlah RM790,000 akan diperuntukkan bagi pelaksanaan inisiatif *Digital Penang* demi memastikan penyebaran teknologi yang menyeluruh dan inklusif dalam kalangan penduduk di negeri ini.

## **Melaksanakan Rancangan Penyesuaian Perubahan Iklim**

120. Sebagai sebuah negeri pesisir yang sentiasa berdepan cabaran perubahan iklim, Kerajaan Negeri terus komited memperkukuhkan daya tahan dan kelestarian bandar. Kerajaan Negeri terus memberi keutamaan kepada pelaksanaan perancangan adaptasi perubahan iklim secara menyeluruh, selaras dengan Teras 5 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 serta Visi Penang2030. Inisiatif ini merangkumi pemeliharaan kawasan Sensitif Alam Sekitar, pengawalan pembangunan di kawasan tanah tinggi serta pengukuhan dasar guna tanah berasaskan konsep '*Resilient City*'.

121. Melalui Projek *Nature-Based Climate Adaptation Programme* (PNBCAP), Kerajaan Negeri melaksanakan pendekatan berteraskan *Nature-Based Solutions* atau NBS, dengan memfokuskan kepada penghijauan bandar, pengurangan kesan haba serta

pembentukan persekitaran yang lebih lestari dan berdaya huni, khususnya di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Inisiatif ini bukan sahaja membantu menurunkan suhu persekitaran dan mengurangkan risiko banjir kilat, malah secara tidak langsung turut meningkatkan kualiti hidup rakyat secara menyeluruh. Sejar dengan komitmen ini, Kerajaan Negeri melalui MBPP akan melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah PNBCAP sebagai penanda aras baharu dalam transformasi ruang awam, menyokong Visi Penang2030, serta meletakkan Pulau Pinang sebagai perintis adaptasi iklim yang inovatif dan inklusif di Malaysia.

Dato' Seri Yang Dipertua,

122. Bagi memperkukuhkan infrastruktur saluran negeri, pengurusan sumber air dan infrastruktur turut dipertingkatkan melalui pelaksanaan program tebatan banjir, penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) serta langkah perlindungan kawasan pesisir pantai daripada kenaikan paras air laut. Usaha berterusan ini

mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri untuk melindungi kesejahteraan rakyat serta memastikan Pulau Pinang kekal mampan dan berdaya tahan demi generasi akan datang.

123. Melalui peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM6 juta, pelaksanaan Projek Tebatan Banjir di Sungai Sanglang (Fasa 1) berperanan membantu dalam menaik taraf sistem saliran dan pembentung serta rumah pam secara berfasa. Projek ini dijangka dapat mengurangkan risiko banjir di Sanglang dan kawasan sekitarnya.

124. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM5.1 juta di bawah Projek Tebatan Banjir Berimpak Tinggi (P.16, JKN) bagi sambungan Projek Tebatan Banjir Sungai Permatang Rawa yang melibatkan kerja-kerja pemuliharaan sungai, pembinaan lintasan dan struktur *outfall* bagi mengurangkan risiko serta impak banjir di kawasan berisiko tinggi.

125. Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Pusat Kawalan Bencana Negeri atau *State Disaster Command Centre* (SDCC) sebagai pusat kawalan bersepadu bagi mengintegrasikan maklumat bencana antara Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan agensi-agensi negeri. Integrasi ini bukan sahaja memperkukuhkan tahap kesiapsiagaan dan meningkatkan tahap responsif bencana, malah memastikan koordinasi pengurusan bencana dan penyaluran bantuan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, tersusun dan berkesan.

## **PENJAWAT AWAM TONGGAK PENTADBIRAN NEGERI**

126. Berkuat kuasa 1 Januari 2025, Kerajaan Negeri menerima pakai dasar pengambilan baharu penjawat awam secara Lantikan Kontrak Interim (LKI) selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan.

127. Sebagai makluman, tempoh LKI adalah selama tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa, yang mana terdahulu. Memandangkan LKI ini adalah lantikan secara kontrak, tatacara semasa menetapkan bahawa pegawai LKI dan *Contract of Service* (CoS) hanya layak menikmati cuti sakit bergaji penuh selama 15 hari setahun. Pegawai yang memerlukan tempoh tambahan perlu memohon kebenaran tidak hadir bertugas atas sebab perubatan, yang mana tiada emolomen dibayar bagi tempoh berkenaan.

128. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan inisiatif Bantuan Cuti Sakit Kontrak (BCSK) sebagai langkah kebajikan tambahan untuk memastikan mereka terus mendapat perlindungan sewajarnya ketika menghadapi masalah kesihatan serius. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, pegawai LKI dan CoS yang disahkan tidak dapat bertugas atas sebab kesihatan dan memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan boleh dipertimbangkan bayaran bantuan,

dengan kadar bayaran bersamaan emolumen semasa pegawai. Inisiatif ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen Kerajaan Negeri terhadap kebajikan pegawai lantikan kontrak, di samping menzahirkan prinsip tadbir urus berteraskan kesejahteraan, empati dan keadilan sosial dalam pengurusan sumber manusia sektor awam negeri.

129. Di samping itu, dengan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang telah berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024, adalah diharapkan penjawat awam seluruh negeri Pulau Pinang lebih komited dalam memenuhi aspirasi negeri. Sesuai dengan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dizahirkan semasa Persidangan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Ke-20 (MAPPA XX) pada 15 Ogos lalu, penambahbaikan ini perlu disusuli dengan semangat 'Perkhidmatan Awam MADANI Teras Kecemerlangan'.

130. Saya ingin memaklumkan Ahli Dewan yang mulia ini, bahawa sehingga pagi ini (14 November 2025), Kerajaan Negeri telah mencatatkan kutipan hasil sebanyak RM920.15 juta. Kutipan ini telah melebihi sasaran tahun 2025 yang berjumlah RM906.59 juta, sekali gus meletakkan Kerajaan Negeri pada landasan yang tepat untuk meningkatkan baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan. Dengan komitmen berterusan Anggota Perkhidmatan Awam Negeri, Kerajaan Negeri optimis untuk mencapai kutipan hasil keseluruhan melebihi RM1 bilion sebelum penutupan akaun akhir tahun ini seperti mana kali terakhir yang pernah dicapai pada tahun 2016, di mana Kerajaan Negeri pada masa tersebut mencatatkan kutipan hasil berjumlah RM1.029 bilion.

131. Maka, sebagai apresiasi kepada seluruh Anggota Perkhidmatan Awam Negeri seramai 3,954 orang, sukacita saya umumkan Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak 0.75 bulan gaji dengan bayaran minimum RM1,000.00. Selain itu, penyelia dan guru Kelas Al-Quran serta Fardu Ain (KAFA), guru Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), guru

Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), kakitangan Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), guru tahfiz, guru pondok, guru tadika Islam (TADIS) serta guru dan kakitangan sekolah persendirian Cina negeri Pulau Pinang seramai 3,358 orang akan turut menerima imbuhan sebanyak RM300.00 secara *one-off*. BKK dan bayaran secara *one-off* ini bakal melibatkan unjuran implikasi kewangan sebanyak RM11.49 juta dan akan dibayar pada bulan Disember 2025.

## **PENUTUP**

Dato' Seri Yang Dipertua,

132. Sebelum menutup lembaran Belanjawan Negeri pada hari ini, izinkan saya menegaskan sekali lagi bahawa setiap angka dan peruntukan yang dibentangkan hari ini bukan sekadar urusan fiskal semata-mata, tetapi sebuah janji dan amanah. Amanah untuk memastikan

setiap keluarga menikmati kesejahteraan, setiap anak muda mendapat peluang dan setiap warga negeri ini merasai nikmat pembangunan yang seimbang. Belanjawan ini adalah nadi kepada perjalanan kita menuju Visi Penang2030, sebuah negeri yang bukan sahaja maju dan makmur, tetapi juga berdaya tahan berorientasikan keluarga dan berpaksikan nilai Malaysia Madani. Kita ingin membina Pulau Pinang yang bukan sekadar indah dipandang, tetapi juga sejahtera untuk didiami.

133. Mengakhiri pembentangan Belanjawan Negeri Pulau Pinang Tahun 2026 pada hari ini, marilah kita sama-sama memperbaharui tekad untuk terus berkhidmat dengan penuh amanah dan dedikasi. Dengan semangat kebersamaan, marilah kita berganding bahu agar setiap dasar serta inisiatif yang dirancang dapat benar-benar memberi makna kepada kehidupan rakyat di setiap pelosok negeri. Berbekalkan semangat “Untuk Negeri Kita”, saya yakin Pulau Pinang akan terus makmur dan berada di landasan yang tepat untuk mencapai Visi Penang2030 menjelang tahun 2030.

*Bersulam tekad di bumi bertuah,  
Bersama rakyat kita berjuang,  
Belanjawan ini janji amanah,  
Membina negeri, makmur gemilang.*

*Embun pagi menyapa bumi,  
Menyubur harapan di hati nurani,  
Dengan semangat Penang2030 yang harmoni,  
Kita dukung gagasan Malaysia Madani.*

*Langit cerah tanda permulaan,  
Mentari terbit membawa erti,  
Bersama rakyat, kerajaan dan pimpinan,  
Kita ukir masa depan yang lestari.*

Sekian, Dato' Seri Yang Dipertua,

Saya mohon mencadangkan.